

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN JONATHAN YASIN
[RANAU] PH-PKR**

TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah baru yang sudah dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sejak 9 Mei 2018 untuk memastikan tahap pembangunan di Sabah dipertingkatkan untuk menyeimbangkan pembangunan yang tidak seimbang di antara Sabah dan Semenanjung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan negeri telah diberi penekanan khusus dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 18 Oktober 2018. Tonggak Ke-3 KSP RMKe-11, Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang menumpukan kepada usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan melalui pengagihan manfaat sosioekonomi yang lebih baik dalam kalangan wilayah. Strategi-strategi untuk mempercepat pembangunan Sabah telah diperincikan dalam dokumen RMKe-11.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Dalam tempoh dua tahun terakhir RMKe-11, peruntukan pembangunan Kerajaan akan diagih dengan keutamaan diberi kepada enam negeri yang kurang membangun, termasuk negeri Sabah. Di bawah *Rolling Plan 4* (2019), negeri Sabah telah pun diperuntukkan sejumlah RM5.01 billion atau 9.2% daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan. Jumlah peruntukan ini telah meningkat 21.3%, iaitu sebanyak RM879 juta daripada tahun sebelumnya (RM4.13 billion pada 2018). Peruntukan tersebut adalah bagi melaksanakan sebanyak 119 projek baharu dan 519 projek sambungan melalui pelbagai kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Akses kepada kemudahan asas dan perkhidmatan di kawasan luar bandar Sabah adalah menjadi salah satu tumpuan utama Kerajaan. Dalam hal ini, sebanyak RM654 juta telah diluluskan di bawah peruntukan RP4 (2019) untuk pembangunan luar bandar Sabah. Jumlah peruntukan ini telah meningkat 35.9%, iaitu sebanyak RM173 juta daripada tahun sebelumnya (RM481 juta pada 2018). Peruntukan ini adalah bagi melaksanakan program/projek seperti Jalan Luar Bandar (JALB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Jalan Perhubungan Desa melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).
4. Selain itu, bagi meningkatkan bekalan elektrik di Sabah, Kerajaan melalui Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) juga telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM498 juta pada tahun 2019 bagi pembinaan pencawang masuk utama (PMU), pencawang pembahagi utama (PPU) dan pengukuhan sistem sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Selain itu, sektor terpilih yang boleh meningkatkan potensi ekonomi akan terus dibangunkan di Sabah. Dalam hal ini, beberapa projek berimpak tinggi sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi pembangunan negeri Sabah. Antaranya adalah projek Kelompok Industri Berasaskan Kelapa Sawit (*Palm Oil*

NO SOALAN : 9

Industrial Cluster) di Sandakan dan Lahad Datu serta pembinaan blok dan kompleks 50 inkubator di Sabah Agro-Industrial Presinct (SAIP) di Papar. Projek ini akan menjadi pemangkin kepada perkembangan industri pembuatan dan pertanian di negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

18 Mac 2019